NOTIS PENTING:
NESCAFÉ PROJEK HIDUPKAN DUNIAMU ["PROGRAM MENTOR"]
PINDAAN TERHADAP TERMA DAN SYARAT

Pindaan [Versi 1.1] terhadap Klausa 3, 5, 6, 8 dan 10 dalam Terma dan Syarat Versi 1 bagi Program Mentor ini [https://www.nescafe.com/my/campaigns/projek-hidupkan-duniamu-2026] berkuat kuasa serta-merta dan menggantikan mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat asal setakat yang bercanggah dengan pindaan ini.

TERMA DAN SYARAT [VERSI 1.1]

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

3. **Tempoh Program Mentor:**	Program Mentor akan berlangsung selama lapan (8) bulan, dari 5 Oktober 2026 hingga 31 Mei 2027, merangkumi peringkat-peringkat berikut: a. Tempoh Penyertaan Dalam Talian ("Tempoh Penyertaan"): Bermula pada jam 00:00:00 pada 5 Oktober 2026 dan ditutup pada jam 23:59:59 pada 30 November 2026. b. Tempoh Senarai Pendek & Orientasi: 1 Disember 2026 hingga 31 Disember 2026. c. Tempoh Program Mentor: 1 Januari 2027 hingga 30 April 2027. d. Tempoh Finale: 1 Mei 2027 hingga 31 Mei 2027.
5. **Kaedah Penyertaan:**	a. TIADA PEMBELIAN diperlukan untuk menyertai Program Mentor ini. b. Hanya satu (1) kaedah penyertaan dalam Mentor Program ini, iaitu **melalui Borang Program Mentor Laman Web** di bawah. Semua kaedah penyertaan lain akan disingkirkan. **Penyerahan Penyertaan melalui Borang Program Mentor Laman Web ("Borang Program Mentor Laman Web"):** c. Peserta perlu melengkapkan semua butiran wajib yang dinyatakan di dalam Borang Program Mentor Laman Web di pautan berikut: https://nestlmalaysianew5.qualifioapp.com/quiz/1854950_3108/projekhidupkanduniamu2026.html.

	d. Peserta boleh memuat naik satu (1) Video Asal ("Video") yang mematuhi Tema Program Mentor (rujuk Klausa 7 di bawah) ke TikTok atau Instagram, atau kedua-dua platform secara serentak, berdurasi tidak melebihi enam puluh (60) saat dan menampilkan Peserta. Video hendaklah dalam nisbah 9:16, berformat MPEG, MP4, MOV atau AVI, dengan saiz fail maksimum 30MB. Peserta digalakkan untuk menyertakan *hashtag* #nescafehidupkanduniamu semasa memuat naik Video ke TikTok atau Instagram. Penggunaan *hashtag* ini adalah pilihan dan tidak akan menyebabkan Penyertaan dibatalkan. e. Peserta perlu memberikan pautan video TikTok atau Instagram yang sah dan sepadan dengan Video yang dihantar. Hanya pautan video TikTok atau Instagram akan diterima. Akaun TikTok atau Instagram Peserta perlu ditetapkan sebagai akaun awam dan Video tersebut hendaklah kekal boleh diakses oleh orang awam di TikTok atau Instagram sepanjang tempoh lapan (8) bulan Tempoh Penyertaan dan Program Mentor. Pautan ke platform lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada Facebook atau YouTube, tidak akan diterima. f. Peserta perlu menjawab semua soalan wajib dalam Borang Program Mentor, bersetuju dengan Terma & Syarat Program Mentor serta Notis Privasi, dan klik butang 'Hantar' ("Penyertaan"). g. Penganjur akan membalas dengan mesej "Terima Kasih" bagi setiap Penyertaan yang dihantar. h. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu (1) Penyertaan melalui TikTok atau Instagram, atau kedua-dua platform, dengan menggunakan Video yang berbeza sepanjang Tempoh Penyertaan. Setiap Peserta unik ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai nombor pengenalan diri yang unik (contohnya Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (MyKad), ID Polis atau ID Angkatan Tentera) dan nombor telefon bimbit yang unik, sebagaimana ditentukan oleh Penganjur. Jika Video yang sama atau hampir sama, seperti yang ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak Penganjur, dihantar lebih daripada sekali oleh Peserta yang sama, walaupun melalui platform yang berbeza, Penyertaan duplikasi yang dihantar selepas Penyertaan pertama akan disingkirkan. i. Penganjur berhak membatalkan mana-mana Penyertaan yang tidak lengkap, mengandungi maklumat palsu, tidak tepat atau tidak konsisten, atau selainnya gagal mematuhi Terma & Syarat ini, tanpa notis terlebih dahulu kepada Peserta. j. Setiap Penyertaan yang diterima akan disemak dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang layak (setiap satunya "Penyertaan Layak" dan secara kolektif, "Penyertaan Layak"). Penganjur berhak membatalkan mana-mana Penyertaan yang gagal mematuhi Terma & Syarat ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang tidak lengkap, palsu, tidak tepat atau tidak konsisten; kegagalan menjawab semua soalan wajib; kegagalan memenuhi keperluan penghantaran Video dan TikTok atau Instagram yang ditetapkan; kegagalan memenuhi syarat kelayakan; atau apa-apa ketidakpatuhan lain terhadap Terma & Syarat ini. Semua Penyertaan akan disaring bagi mengesan salinan berdasarkan maklumat wajib yang diberikan dalam Borang Program

	Mentor Laman Web. Mana-mana penyertaan duplikasi dan/atau Penyertaan yang tidak memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan di sini akan disingkirkan mengikut budi bicara mutlak Penganjur
6. **Tarikh Tutup Penyertaan:**	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 30/11/2026. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Penyertaan akan dibatalkan secara automatik.
8. **Penyertaan Layak:**	a. Untuk dianggap sah dan layak, sesuatu Penyertaan hendaklah memenuhi SEMUA keperluan berikut: i. dihantar oleh Peserta dalam Tempoh Penyertaan; ii. mengandungi satu (1) Video Asal yang mematuhi Tema Program Mentor, berdurasi tidak melebihi enam puluh (60) saat dan menampilkan Peserta, berserta pautan video TikTok atau Instagram yang sepadan, selaras dengan Klausa 5(d) dan 5(e); iii. menjawab semua soalan wajib dalam Borang Program Mentor; dan iv. mematuhi semua keperluan lain di bawah Terma & Syarat Program Mentor ini. b. Penyertaan adalah terhad kepada individu sahaja. Penyertaan secara pasukan atau kumpulan serta Penyertaan yang dihantar bagi pihak orang lain tidak akan diterima. Orang lain boleh muncul dalam video yang dikemukakan tertakluk kepada keperluan persetujuan yang berkenaan (dan bagi individu bawah umur, persetujuan ibu bapa/penjaga hendaklah diperoleh pada tarikh video dirakam), namun hanya Peserta yang dinamakan dalam Borang Program Mentor layak untuk dipilih dan menerima Manfaat Program. Kanak-kanak di bawah umur enam (6) tahun tidak dibenarkan muncul dalam video walaupun persetujuan ibu bapa atau penjaga telah diperoleh.
10. Keperluan Video Asal dan Kandungan:	a. Video Asal hendaklah memenuhi SEMUA keperluan berikut: i. Peserta perlu muncul sendiri di hadapan kamera, bercakap menggunakan suara mereka sendiri dan boleh dikenal pasti dengan jelas sebagai individu yang dinamakan dalam Borang Program Mentor; ii. mesej, cerita dan idea yang disampaikan dalam Video Asal hendaklah merupakan hasil Peserta sendiri dan tidak boleh disalin atau diadaptasi daripada kandungan, skrip atau penyertaan orang lain; dan iii. rakaman dan imej yang digunakan dalam Video Asal hendaklah dirakam atau dihasilkan oleh atau untuk Peserta. Rakaman stok, imej stok dan elemen/kandungan pihak ketiga yang tidak dibenarkan adalah tidak dibenarkan. b. Penggunaan Kecerdasan Buatan ("AI") dalam Video Asal tertakluk kepada keperluan berikut: i. AI hanya boleh digunakan untuk tujuan membantu proses penyuntingan selepas rakaman dibuat, seperti penyuntingan video, kapsyen, sari kata, pembetulan warna atau penambahbaikan audio;

	ii. Penyampai atau hos yang dijana oleh AI atau secara maya, avatar, kembar digital (digital twins), deepfake, suara yang diklon atau dijana secara sintetik, suara latar yang dijana oleh AI (AI voice-over), serta apa-apa representasi individu lain yang dijana oleh AI adalah tidak dibenarkan; iii. Rakaman video atau imej yang dijana oleh AI tidak boleh digunakan untuk menggantikan rakaman atau kandungan asal yang perlu dihasilkan oleh Peserta; iv. Alat AI tidak boleh digunakan untuk menjana, meniru atau menghasilkan semula mana-mana individu yang boleh dikenal pasti, karya berhak cipta, tanda dagangan, jenama, watak atau bahan lain milik pihak ketiga yang dilindungi tanpa memperoleh hak, kebenaran atau kelulusan yang diperlukan; dan v. Sebarang penggunaan AI yang dibenarkan tidak boleh memberikan gambaran yang salah secara material mengenai Peserta, aspirasi, projek atau usaha niaga Peserta, atau menghasilkan kandungan yang palsu atau mengelirukan. Sekiranya pendedahan mengenai penggunaan AI diperlukan di bawah undang-undang yang terpakai, keperluan platform atau keperluan lain yang berkenaan, Peserta hendaklah membuat pendedahan yang sewajarnya. Kegagalan mematuhi perkara di atas akan menyebabkan Penyertaan disingkirkan secara automatik tanpa notis lanjut kepada Peserta. c. Jika mana-mana individu lain muncul dalam Video Asal: i. Sekiranya mana-mana orang lain muncul dalam Video Asal, keperluan persetujuan dan umur yang berkenaan di bawah Klausa 8(b) hendaklah dipatuhi. d. Jika apa-apa bahan, muzik atau audio pihak ketiga digunakan dalam Video Asal: i. Peserta perlu memastikan kandungan yang dihantar tidak melanggar mana-mana hak cipta, cap dagangan, privasi, publisiti atau hak lain milik pihak ketiga; ii. audio asal atau muzik/audio pihak ketiga yang dilesenkan dengan sewajarnya boleh digunakan, dengan syarat lesen berkenaan membenarkan penggunaannya dalam Penyertaan Program Mentor, video TikTok atau Instagram yang sepadan dan penggunaan kandungan yang dibenarkan oleh Penganjur di bawah Terma & Syarat ini; iii. Peserta bertanggungjawab mendapatkan semua kebenaran, lesen dan persetujuan yang diperlukan berkaitan apa-apa bahan pihak ketiga yang dibenarkan dan dimasukkan dalam Penyertaan; dan iv. ketersediaan mana-mana muzik, audio atau kandungan lain di TikTok atau Instagram tidak dengan sendirinya mengesahkan bahawa Peserta mempunyai hak yang diperlukan untuk menggunakannya dalam Program Mentor atau bagi penggunaan kandungan yang dibenarkan oleh Penganjur.

	e. Kandungan yang dihantar TIDAK boleh mengandungi mana-mana kandungan terlarang berikut: i. mengandungi, memaparkan atau mempromosikan mana-mana Kategori Dikecualikan atau perkara terlarang yang dinyatakan dalam Klausa 9(c); ii. melanggar mana-mana hak cipta, tanda dagangan, privasi, publisiti atau hak pihak ketiga yang lain; iii. mengandungi dakwaan palsu atau mengelirukan; iv. mengandungi maklumat peribadi orang lain tanpa kebenaran; atau v. mengandungi promosi berbayar atau pengiklanan bagi jenama lain. f. Peserta kekal sebagai pemilik kandungan asal yang dikemukakan oleh mereka, tertakluk kepada apa-apa hak pihak ketiga yang terkandung di dalamnya. Dengan menghantar Penyertaan, Peserta memberikan kebenaran dan persetujuan (termasuk mendapatkan persetujuan pihak ketiga yang berkenaan) kepada Penganjur untuk mengakses, menyemak, memproses dan menggunakan, sama ada keseluruhan atau sebahagian dan dalam apa-apa bentuk, kandungan yang dikemukakan, termasuk Video Asal dan video TikTok atau Instagram yang berkaitan, sebagaimana yang diperlukan secara munasabah bagi tujuan pentadbiran, penilaian, pengesahan dan pelaksanaan Program Mentor sepanjang tempoh yang berkenaan tanpa perlu mendapatkan persetujuan lanjut daripada Peserta. Sebarang penggunaan kandungan atau video yang dikemukakan, atau nama, imej atau rupa Peserta, bagi tujuan publisiti, pengiklanan, promosi atau komunikasi luaran lain adalah tertakluk kepada apa-apa persetujuan atau kebenaran tambahan sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh Penganjur. g. Penganjur berhak meminta apa-apa rakaman mentah, fail sumber, fail projek, kebenaran, lesen, persetujuan atau bukti sokongan lain yang munasabah, sama ada dalam bentuk salinan fizikal atau digital jika berkenaan, bagi mengesahkan pematuhan terhadap keperluan yang dinyatakan dalam bahagian ini. Kegagalan memberikan apa-apa bukti yang diminta dalam tempoh yang ditetapkan oleh Penganjur, atau jika sesuatu Penyertaan atau Peserta didapati gagal mematuhi mana-mana keperluan tersebut, boleh mengakibatkan Penyertaan disingkirkan dan/atau penyertaan berterusan Peserta dalam Program Mentor ditamatkan, mengikut mana yang berkenaan, tanpa notis terlebih dahulu.

TERMA DAN SYARAT [VERSI 1]

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. **Penganjur:**	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. **Program Mentor:**	NESCAFÉ PROJEK HIDUPKAN DUNIAMU

3. **Tempoh Program Mentor:**	Program Mentor akan berlangsung selama lapan (8) bulan, dari 5 Oktober 2026 hingga 31 Mei 2027, merangkumi peringkat-peringkat berikut: a. Tempoh Penyertaan Dalam Talian ("Tempoh Penyertaan"): Bermula pada jam 00:00:00 pada 5 Oktober 2026 dan ditutup pada jam 23:59:59 pada 15 November 2026. b. Tempoh Senarai Pendek & Orientasi: 1 Disember 2026 hingga 31 Disember 2026. c. Tempoh Program Mentor: 1 Januari 2027 hingga 30 April 2027. d. Tempoh Finale: 1 Mei 2027 hingga 31 Mei 2027.
4. **Kelayakan:**	a. Program Mentor ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah dan berumur antara 18 hingga 30 tahun sahaja pada tarikh bermulanya Tempoh Penyertaan ("Peserta"), serta berjaya melengkapkan dan menghantar Borang Program Mentor dalam Tempoh Penyertaan. b. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan diri.
5. Kaedah Penyertaan:	a. TIADA PEMBELIAN diperlukan untuk menyertai Program Mentor ini. b. Hanya satu (1) kaedah penyertaan dalam Mentor Program ini, iaitu **melalui Borang Program Mentor Laman Web** di bawah. Semua kaedah penyertaan lain akan disingkirkan. **Penyerahan Penyertaan melalui Borang Program Mentor Laman Web ("Borang Program Mentor Laman Web"):** c. Peserta perlu melengkapkan semua butiran wajib yang dinyatakan di dalam Borang Program Mentor Laman Web di pautan berikut: https://nestlmalaysianew5.qualifioapp.com/quiz/1854950_3108/projekhidupkanduniamu2026.html. *d.* Peserta perlu memuat naik satu (1) Video Asal ("Video") yang mematuhi Tema Program Mentor (rujuk Klausa 7 di bawah), berdurasi tidak melebihi enam puluh (60) saat dan menampilkan Peserta. Video hendaklah dalam nisbah 9:16, berformat MPEG, MP4, MOV atau AVI, dengan saiz fail maksimum 30MB. Peserta digalakkan untuk menyertakan *hashtag* #nescafehidupkanduniamu semasa memuat naik Video ke TikTok. Penggunaan *hashtag* ini adalah pilihan dan tidak akan menyebabkan Penyertaan dibatalkan. e. Peserta perlu memberikan pautan video TikTok yang sah dan sepadan dengan Video yang dihantar. Hanya pautan video TikTok akan diterima. Akaun TikTok Peserta perlu ditetapkan sebagai akaun awam dan Video tersebut hendaklah kekal boleh diakses oleh orang awam di TikTok sepanjang tempoh lapan (8) bulan Tempoh Penyertaan dan Program Mentor. Pautan ke platform lain, termasuk

	tetapi tidak terhad kepada Instagram, Facebook atau YouTube, tidak akan diterima. f. Peserta perlu menjawab semua soalan wajib dalam Borang Program Mentor, bersetuju dengan Terma & Syarat Program Mentor serta Notis Privasi, dan klik butang 'Hantar' ("Penyertaan"). g. Penganjur akan membalas dengan mesej "Terima Kasih" bagi setiap Penyertaan yang dihantar. h. Peserta boleh menghantar beberapa Penyertaan dengan video yang berbeza dalam Tempoh Penyertaan. Walau bagaimanapun, HANYA satu (1) Penyertaan bagi setiap Peserta boleh disenarai pendek. Setiap Peserta unik ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai nombor pengenalan diri yang unik (contohnya Kad Pengenalan Pendaftaran Negara (MyKad), ID Polis atau ID Angkatan Tentera) dan nombor telefon bimbit yang unik, sebagaimana ditentukan oleh Penganjur. Jika Video yang sama atau hampir sama dihantar lebih daripada sekali oleh Peserta yang sama, penyertaan duplikasi yang dihantar selepas Penyertaan pertama akan disingkirkan. i. Penganjur berhak membatalkan mana-mana Penyertaan yang tidak lengkap, mengandungi maklumat palsu, tidak tepat atau tidak konsisten, atau selainnya gagal mematuhi Terma & Syarat ini, tanpa notis terlebih dahulu kepada Peserta. j. Setiap Penyertaan yang diterima akan disemak dan diluluskan oleh Penganjur sebagai penyertaan yang layak (setiap satunya "Penyertaan Layak" dan secara kolektif, "Penyertaan Layak"). Penganjur berhak membatalkan mana-mana Penyertaan yang gagal mematuhi Terma & Syarat ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat yang tidak lengkap, palsu, tidak tepat atau tidak konsisten; kegagalan menjawab semua soalan wajib; kegagalan memenuhi keperluan penghantaran Video dan TikTok yang ditetapkan; kegagalan memenuhi syarat kelayakan; atau apa-apa ketidakpatuhan lain terhadap Terma & Syarat ini. Semua Penyertaan akan disaring bagi mengesan salinan berdasarkan maklumat wajib yang diberikan dalam Borang Program Mentor Laman Web. Mana-mana penyertaan duplikasi dan/atau Penyertaan yang tidak memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan di sini akan disingkirkan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.
6. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 15/11/2026. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Penyertaan akan dibatalkan secara automatik.
7. <u>Tema Program Mentor:</u>	a. Tema Program Mentor ("Tema Program Mentor") ialah "Projek Hidupkan Duniamu: Mengapa Saya Layak Menyertai Projek Hidupkan Duniamu". b. Setiap Peserta perlu menghantar Penyertaan yang berkaitan dengan Tema Program Mentor dan menerangkan siapa diri mereka serta aspirasi, projek atau

	usaha niaga mereka; mengapa ia penting bagi mereka dan apa yang telah mereka lakukan setakat ini; apa yang ingin mereka capai sepanjang Program Mentor dan hala tuju aspirasi, projek atau usaha niaga tersebut selepas Program Mentor; potensi perubahan atau impak yang boleh diberikan kepada diri mereka dan/atau orang lain; serta bagaimana elaun dan bimbingan yang disediakan melalui Program Mentor dapat membantu mereka untuk terus maju.
8. <u>Penyertaan Layak:</u>	a. Untuk dianggap sah dan layak, sesuatu Penyertaan hendaklah memenuhi SEMUA keperluan berikut: i. dihantar oleh Peserta dalam Tempoh Penyertaan; ii. mengandungi satu (1) Video Asal yang mematuhi Tema Program Mentor, berdurasi tidak melebihi enam puluh (60) saat dan menampilkan Peserta, berserta pautan video TikTok yang sepadan, selaras dengan Klausa 5(d) dan 5(e); iii. menjawab semua soalan wajib dalam Borang Program Mentor; dan iv. mematuhi semua keperluan lain di bawah Terma & Syarat Program Mentor ini. b. Penyertaan adalah terhad kepada individu sahaja. Penyertaan secara pasukan atau kumpulan serta Penyertaan yang dihantar bagi pihak orang lain tidak akan diterima. Orang lain boleh muncul dalam video yang dikemukakan tertakluk kepada keperluan persetujuan yang berkenaan (dan bagi individu bawah umur, persetujuan ibu bapa/penjaga hendaklah diperoleh pada tarikh video dirakam), namun hanya Peserta yang dinamakan dalam Borang Program Mentor layak untuk dipilih dan menerima Manfaat Program. Kanak-kanak di bawah umur enam (6) tahun tidak dibenarkan muncul dalam video walaupun persetujuan ibu bapa atau penjaga telah diperoleh.
9. <u>Aspirasi / Projek / Usaha Niaga yang Layak:</u>	a. Peserta perlu mempunyai aspirasi, projek atau usaha niaga yang: i. berada pada peringkat idea, peringkat awal pembangunan, atau telah diusahakan secara aktif atau beroperasi tidak melebihi tiga (3) tahun setakat 5 Oktober 2026; ii. tergolong dalam satu (1) daripada lima (5) bidang minat berikut: Kulinari, Muzik, Seni Filem, *Gaming* dan Teknologi atau Fesyen; iii. sah di sisi undang-undang Malaysia dan, jika berkenaan, telah memperoleh atau berupaya memperoleh apa-apa lesen, permit, kelulusan atau pendaftaran yang diperlukan bagi aktivitinya; dan iv. tidak melibatkan, mempromosikan atau bergantung pada mana-mana kategori yang dikecualikan seperti yang dinyatakan dalam perenggan (c) di bawah ("Kategori Dikecualikan"). b. Semua aspirasi, projek atau usaha niaga yang dikemukakan berkaitan dengan Program Mentor hendaklah selaras dengan amalan yang bertanggungjawab, beretika dan mampan. Nestlé berhak untuk menolak atau membatalkan mana-mana Penyertaan yang didapati tidak selaras dengan nilai-nilai Nestlé, komitmen terhadap kelestarian, prinsip hak asasi manusia, amalan perniagaan yang

	bertanggungjawab, tanggungjawab terhadap alam sekitar atau undang-undang dan peraturan yang berkenaan. c. Berikut merupakan Kategori Dikecualikan bagi tujuan Program Mentor: i. minuman beralkohol; ii. produk tembakau, vape atau rokok elektronik; iii. perjudian atau pertaruhan; iv. senjata atau peluru; v. skim pemasaran berbilang tingkat, piramid atau pelaburan; vi. perdagangan mata wang kripto atau perkhidmatan kewangan tanpa lesen; vii. perniagaan (tempatan atau antarabangsa) dalam apa-apa bentuk yang bersaing secara langsung dalam kategori kopi dalam apa-apa bentuk; viii. projek, usaha niaga atau aktiviti yang menggalakkan kebencian, diskriminasi, gangguan, buli, keganasan atau kemudaratan fizikal terhadap mana-mana individu atau kumpulan; ix. projek, usaha niaga atau aktiviti yang melibatkan kandungan atau perkhidmatan lucah, pornografi, berunsur seksual secara eksplisit atau bersifat eksploitasi seksual; atau x. projek, usaha niaga atau aktiviti yang mengandungi kandungan berkaitan kaum, agama, institusi diraja atau perkara politik yang bersifat menghasut, diskriminatif, menghina atau selainnya bercanggah dengan keperluan kandungan Penganjur yang berkenaan. d. Penganjur berhak menambah mana-mana Kategori Dikecualikan di atas sepanjang Tempoh Program dan Tempoh Program Mentor dan/atau menentukan sama ada sesuatu aspirasi, projek atau usaha niaga termasuk dalam Kategori Dikecualikan menurut Terma & Syarat ini, dan dalam keadaan sedemikian Penyertaan tersebut akan disingkirkan tanpa notis lanjut kepada Peserta.
10. <u>Keperluan Video Asal dan Kandungan:</u>	a. Video Asal hendaklah memenuhi SEMUA keperluan berikut: i. Peserta perlu muncul sendiri di hadapan kamera, bercakap menggunakan suara mereka sendiri dan boleh dikenal pasti dengan jelas sebagai individu yang dinamakan dalam Borang Program Mentor; ii. mesej, cerita dan idea yang disampaikan dalam Video Asal hendaklah merupakan hasil Peserta sendiri dan tidak boleh disalin atau diadaptasi daripada kandungan, skrip atau penyertaan orang lain; dan iii. rakaman dan imej yang digunakan dalam Video Asal hendaklah dirakam atau dihasilkan oleh atau untuk Peserta. Rakaman stok, imej stok dan elemen/kandungan pihak ketiga yang tidak dibenarkan adalah tidak dibenarkan. b. Penggunaan Kecerdasan Buatan (“AI”) dalam Video Asal tertakluk kepada keperluan berikut:

	i. AI hanya boleh digunakan untuk tujuan membantu proses penyuntingan selepas rakaman dibuat, seperti penyuntingan video, kapsyen, sari kata, pembetulan warna atau penambahbaikan audio; ii. Penyampai atau hos yang dijana oleh AI atau secara maya, avatar, kembar digital (digital twins), deepfake, suara yang diklon atau dijana secara sintetik, suara latar yang dijana oleh AI (AI voice-over), serta apa-apa representasi individu lain yang dijana oleh AI adalah tidak dibenarkan; iii. Rakaman video atau imej yang dijana oleh AI tidak boleh digunakan untuk menggantikan rakaman atau kandungan asal yang perlu dihasilkan oleh Peserta; iv. Alat AI tidak boleh digunakan untuk menjana, meniru atau menghasilkan semula mana-mana individu yang boleh dikenal pasti, karya berhak cipta, tanda dagangan, jenama, watak atau bahan lain milik pihak ketiga yang dilindungi tanpa memperoleh hak, kebenaran atau kelulusan yang diperlukan; dan v. Sebarang penggunaan AI yang dibenarkan tidak boleh memberikan gambaran yang salah secara material mengenai Peserta, aspirasi, projek atau usaha niaga Peserta, atau menghasilkan kandungan yang palsu atau mengelirukan. Sekiranya pendedahan mengenai penggunaan AI diperlukan di bawah undang-undang yang terpakai, keperluan platform atau keperluan lain yang berkenaan, Peserta hendaklah membuat pendedahan yang sewajarnya. Kegagalan mematuhi perkara di atas akan menyebabkan Penyertaan disingkirkan secara automatik tanpa notis lanjut kepada Peserta. c. Jika mana-mana individu lain muncul dalam Video Asal: i. Sekiranya mana-mana orang lain muncul dalam Video Asal, keperluan persetujuan dan umur yang berkenaan di bawah Klausa 8(b) hendaklah dipatuhi. d. Jika apa-apa bahan, muzik atau audio pihak ketiga digunakan dalam Video Asal: i. Peserta perlu memastikan kandungan yang dihantar tidak melanggar mana-mana hak cipta, cap dagangan, privasi, publisiti atau hak lain milik pihak ketiga; ii. audio asal atau muzik/audio pihak ketiga yang dilesenkan dengan sewajarnya boleh digunakan, dengan syarat lesen berkenaan membenarkan penggunaannya dalam Penyertaan Program Mentor, video TikTok yang sepadan dan penggunaan kandungan yang dibenarkan oleh Penganjur di bawah Terma & Syarat ini; iii. Peserta bertanggungjawab mendapatkan semua kebenaran, lesen dan persetujuan yang diperlukan berkaitan apa-apa bahan pihak ketiga yang dibenarkan dan dimasukkan dalam Penyertaan; dan iv. ketersediaan mana-mana muzik, audio atau kandungan lain di TikTok tidak dengan sendirinya mengesahkan bahawa Peserta mempunyai hak

	yang diperlukan untuk menggunakannya dalam Program Mentor atau bagi penggunaan kandungan yang dibenarkan oleh Penganjur. e. Kandungan yang dihantar TIDAK boleh mengandungi mana-mana kandungan terlarang berikut: i. mengandungi, memaparkan atau mempromosikan mana-mana Kategori Dikecualikan atau perkara terlarang yang dinyatakan dalam Klausa 9(c); ii. melanggar mana-mana hak cipta, tanda dagangan, privasi, publisiti atau hak pihak ketiga yang lain; iii. mengandungi dakwaan palsu atau mengelirukan; iv. mengandungi maklumat peribadi orang lain tanpa kebenaran; atau v. mengandungi promosi berbayar atau pengiklanan bagi jenama lain. f. Peserta kekal sebagai pemilik kandungan asal yang dikemukakan oleh mereka, tertakluk kepada apa-apa hak pihak ketiga yang terkandung di dalamnya. Dengan menghantar Penyertaan, Peserta memberikan kebenaran dan persetujuan (termasuk mendapatkan persetujuan pihak ketiga yang berkenaan) kepada Penganjur untuk mengakses, menyemak, memproses dan menggunakan, sama ada keseluruhan atau sebahagian dan dalam apa-apa bentuk, kandungan yang dikemukakan, termasuk Video Asal dan video TikTok yang berkaitan, sebagaimana yang diperlukan secara munasabah bagi tujuan pentadbiran, penilaian, pengesahan dan pelaksanaan Program Mentor sepanjang tempoh yang berkenaan tanpa perlu mendapatkan persetujuan lanjut daripada Peserta. Sebarang penggunaan kandungan atau video yang dikemukakan, atau nama, imej atau rupa Peserta, bagi tujuan publisiti, pengiklanan, promosi atau komunikasi luaran lain adalah tertakluk kepada apa-apa persetujuan atau kebenaran tambahan sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh Penganjur. g. Penganjur berhak meminta apa-apa rakaman mentah, fail sumber, fail projek, kebenaran, lesen, persetujuan atau bukti sokongan lain yang munasabah, sama ada dalam bentuk salinan fizikal atau digital jika berkenaan, bagi mengesahkan pematuhan terhadap keperluan yang dinyatakan dalam bahagian ini. Kegagalan memberikan apa-apa bukti yang diminta dalam tempoh yang ditetapkan oleh Penganjur, atau jika sesuatu Penyertaan atau Peserta didapati gagal mematuhi mana-mana keperluan tersebut, boleh mengakibatkan Penyertaan disingkirkan dan/atau penyertaan berterusan Peserta dalam Program Mentor ditamatkan, mengikut mana yang berkenaan, tanpa notis terlebih dahulu.
11. <u>Manfaat Program Mentor:</u>	a. Seramai lima belas (15) Peserta (“Finalis”) akan disenarai pendek untuk meneruskan perjalanan ke peringkat Temu Duga Dalam Talian dan proses pengesahan yang berkenaan. Finalis yang berjaya melengkapkan Temu Duga Dalam Talian dan memenuhi syarat kelayakan, pengesahan dan pemilihan yang berkenaan akan disahkan untuk menyertai Projek Hidupkan Duniamu Mentor Programme (“Program Mentor”). b. Setiap Finalis yang terpilih untuk menyertai dan melengkapkan Program Mentor akan layak menerima manfaat program seperti berikut (“Manfaat Program”),

	tertakluk kepada penyertaan berterusan Peserta dan pematuhan terhadap keperluan Program: i. elaun kewangan bulanan sebanyak RM4,000.00 selama enam (6) bulan, berjumlah RM24,000.00 bagi setiap Peserta; ii. penyertaan aktif dalam Program Mentor bulanan, termasuk sesi bimbingan dan panduan daripada mentor yang dilantik oleh Penganjur; iii. sokongan perjalanan dan/atau penginapan, jika berkenaan, bagi perjalanan yang diperlukan berkaitan dengan Program Mentor dan sekiranya lokasi aktiviti adalah di Kuala Lumpur, tertakluk kepada keperluan dan budi bicara mutlak Penganjur. Maklumat lanjut mengenai sokongan perjalanan dan/atau penginapan yang berkenaan serta pengaturannya akan dimaklumkan apabila perjalanan tersebut diperlukan; dan iv. peluang untuk menyertai Finale Program Mentor dan dipertimbangkan bagi insentif, pengiktirafan dan/atau peluang pasca-Program Mentor yang berkenaan, tertakluk kepada keperluan dan kriteria berkaitan yang akan ditentukan oleh Penganjur.
12. <u>Kriteria Pemilihan:</u>	a. Semua Penyertaan akan disemak oleh Penganjur berdasarkan kriteria-kriteria penilaian seperti yang dinyatakan dalam Klausa 8. Penyertaan yang memenuhi SEMUA kriteria yang berkenaan akan dianggap sebagai Penyertaan Layak dan akan diteruskan ke peringkat penilaian. b. Penyertaan Layak akan dinilai oleh wakil yang dilantik oleh Penganjur bersama dengan pakar bidang yang dilantik atau individu lain yang mempunyai kepakaran setara dan berkaitan dengan bidang minat yang dipilih oleh Peserta (Kulinari, Muzik, Seni Filem, *Gaming* dan Teknologi atau Fesyen). c. Setiap Penyertaan yang Layak akan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria berikut ("Kriteria Penilaian"), dengan jumlah keseluruhan markah penilaian sebanyak 100%: i. Potensi Pertumbuhan Berterusan – 30%: Adakah aspirasi, projek atau usaha niaga anda berpotensi untuk berkembang, berevolusi dan diteruskan selepas Program Mentor? ii. Aspirasi, Projek atau Usaha yang Jelas dan Realistik – 25%: Adakah aspirasi, projek atau usaha niaga anda ditakrifkan dengan jelas, dengan langkah-langkah realistik yang boleh dicapai sepanjang Program Mentor? iii. Komitmen, Dorongan & Inisiatif – 20%: Apakah yang telah anda lakukan untuk merealisasikan aspirasi, projek atau usaha niaga anda? iv. Impak – 15%: Apakah perubahan yang boleh dibawa oleh aspirasi, projek atau usaha niaga anda kepada diri anda dan/atau orang lain? v. Kesesuaian Sokongan Program – 10%: Bagaimanakah program ini dapat membantu anda untuk terus maju? d. Setiap juri yang berkenaan akan memberikan markah secara individu kepada setiap Penyertaan Layak berdasarkan Kriteria Penilaian dan pemberat yang diluluskan, dengan jumlah markah maksimum 100. Penganjur akan

	menggabungkan markah keseluruhan yang dikemukakan oleh para juri dan markah yang diberikan oleh juri yang berkenaan akan dipuratakan untuk menentukan markah muktamad bagi setiap Penyertaan Layak ("Markah Akhir"). e. Penganjur tidak akan mendedahkan markah individu, ulasan atau pertimbangan para juri, atau sebab bagi pemilihan atau ketidakpilihan mana-mana Peserta atau Finalis. Semua keputusan penilaian dan pemilihan yang dibuat berdasarkan Kriteria Penilaian yang diluluskan adalah muktamad dan tertakluk kepada budi bicara panel juri yang dilantik. f. Penyertaan Layak akan disusun dari markah tertinggi hingga terendah berdasarkan Markah Akhir. Lima belas (15) Peserta dengan markah tertinggi akan disenarai pendek sebagai Finalis ("Finalis") untuk meneruskan ke peringkat Temu Duga Dalam Talian dan proses pengesahan yang berkenaan, dengan syarat hanya satu (1) Penyertaan bagi setiap Peserta layak dipertimbangkan untuk disenarai pendek. Sekiranya seseorang Peserta menghantar beberapa Penyertaan Layak, hanya Penyertaan Layak Peserta tersebut yang memperoleh markah tertinggi akan dipertimbangkan untuk disenarai pendek. g. Penganjur berhak menjalankan pengesahan lanjut berkaitan kelayakan dan pematuhan pada mana-mana peringkat Program Mentor. h. Penganjur berhak, mengikut budi bicaranya sendiri, menggantikan mana-mana Finalis dengan finalis lain yang layak pada bila-bila masa sekiranya mana-mana Finalis didapati tidak dapat meneruskan Program atas apa-apa sebab sekalipun.
13. **<u>Terma Tambahan:</u>**	a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp daripada +6011 2877 4878 (diuruskan oleh penyedia perkhidmatan Penganjur, MediaCliQ) menerusi nombor telefon bimbit yang dikemukakan dalam Penyertaan Layak. Finalis akan dimaklumkan mengenai pemilihan mereka dan dijemput untuk menghadiri Temu Duga Dalam Talian. Finalis hendaklah mengesahkan kehadiran mereka untuk Temu Duga Dalam Talian dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari masa mesej dihantar. Kegagalan untuk memberikan maklum balas dalam tempoh yang ditetapkan, keengganan untuk menyertai Temu Duga Dalam Talian, kegagalan untuk memberikan apa-apa maklumat atau dokumen yang diperlukan oleh Penganjur, kegagalan untuk memenuhi pengesahan kelayakan akhir, atau didapati tidak layak atau melanggar Terma & Syarat Program Mentor ini boleh menyebabkan Finalis tidak lagi dipertimbangkan untuk menyertai Program Mentor. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis tidak dapat dihubungi melalui WhatsApp atas apa-apa sebab. Penganjur berhak untuk menawarkan tempat tersebut kepada Peserta layak dengan markah tertinggi seterusnya, tertakluk kepada proses pengesahan kelayakan dan penerimaan yang sama.

	b. Selepas Temu Duga Dalam Talian dan proses pengesahan yang berkenaan selesai, Penganjur akan menentukan Finalis yang akan disahkan untuk menyertai Program Mentor. c. Semua Finalis hendaklah memberikan butiran peribadi yang lengkap dan tepat sebagaimana yang diminta oleh Penganjur bagi tujuan pengesahan kelayakan akhir dan pentadbiran Program Mentor. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan penyertaan dibatalkan. Penganjur berhak membatalkan penyertaan mana-mana Finalis sekiranya butiran peribadi yang diberikan, termasuk nama penuh, nombor pengenalan diri dan nombor telefon bimbit, didapati palsu, tidak tepat atau tidak betul pada bila-bila masa d. Penganjur berhak untuk meminta Finalis menghantar nama penuh seperti yang tertera pada Kad Pengenalan (NRIC) dan nombor NRIC dalam bentuk teks bagi tujuan pengesahan melalui nombor WhatsApp yang ditetapkan, +6011 2877 4878, dan/atau alamat e-mel Agensi Peraduan di contest@mediacliq.com. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan penyertaan dibatalkan. Sekiranya Penganjur mengesyaki sebarang penipuan, pemalsuan, salah nyata atau ketidakpadanan antara maklumat yang diberikan oleh Finalis dengan maklumat yang dikemukakan dalam Borang Program Mentor, Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan Finalis tersebut dan menawarkan tempat tersebut kepada Peserta layak dengan markah tertinggi seterusnya. e. Finalis mungkin dikehendaki memberikan atau mengesahkan maklumat tambahan bagi tujuan Program Mentor, termasuk tetapi tidak terhad kepada: i. butiran peribadi dan maklumat pengenalan; ii. butiran akaun bank yang dinamakan bagi pembayaran elaun bulanan; iii. jadual dan ketersediaan untuk sesi bimbingan; iv. ketersediaan untuk menghadiri aktiviti Program Mentor secara dalam talian dan/atau fizikal di Kuala Lumpur; dan v. apa-apa maklumat atau dokumentasi lain yang secara munasabah diperlukan oleh Penganjur bagi pentadbiran Program Mentor dan pengesahan kelayakan. f. Penyertaan dalam Program Mentor tertakluk kepada Terma & Syarat Program Mentor yang berasingan, yang akan diberikan kepada Finalis sahaja. Setiap Finalis hendaklah membaca dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Program Mentor tersebut sebagai syarat untuk menyertai Program Mentor dan menerima Manfaat Program. g. Penyediaan dan penunaian semua Manfaat Program tertakluk kepada Terma & Syarat Program Mentor ini serta Terma & Syarat Program Mentor yang berkenaan yang akan diberikan kepada Finalis. h. Penganjur berhak mengubah kaedah penyediaan atau penunaian Manfaat Program, jika berkenaan, mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

	i. Pengumuman Finalis akan diterbitkan di halaman media sosial Penganjur di: https://www.facebook.com/Nescafe.MY dan laman web Penganjur di: https://www.nescafe.com/my/campaigns/projek-hidupkan-duniamu-2026 dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Tempoh Penyertaan. j. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan mengecualikan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan terhadap Mentor Program, atau disebabkan oleh sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan kerajaan, kekacauan awam, rusuhan, peperangan, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perbuatan keganasan, permusuhan, darurat negara, kejadian wabak/penyakit pandemik) serta sebarang tindakan atau kegagalan pihak ketiga seperti pembekal atau vendor. k. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (contohnya perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengambil Hadiah hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang atas kos sendiri.

Jadual bagi Syarat Penyertaan *ini mesti dibaca bersama dengan* ***Syarat Penyertaan dan Notis Privasi*** *yang boleh didapati* di https://www.nescafe.com/my/campaigns/projek-hidupkan-duniamu-2026 *, secara kolektif dinamakan "Terma dan Syarat", yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai "Peserta", "Anda").*

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai "Terma dan Syarat". Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta,dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.

2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.

2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.

3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

(a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan

(b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

(a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

(b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

(a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau

(b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara**:

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian**:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau

untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.

11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.

11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.

11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.

11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di www.nestle.com.my/info/privacy_notice/bm.

12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in www.nestle.com.my/info/privacy_notice.